



Good food, Good life

TERMA & SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966] (“Penganjur”).
2. <u>Promosi:</u>	NESTLÉ ENERCAL COMPLETE BUY & REDEEM CAMPAIGN 2025.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 (WPM) pada 01/06/2025 dan ditutup jam 23:59:59 (WPM) pada 31/07/2025.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia (“ Peserta ”). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan untuk setiap Peserta.
5. <u>Outlet Turut Serta:</u>	<ol style="list-style-type: none">Untuk senarai lengkap outlet farmaseutikal yang turut serta (“Outlet”) sila lawati Laman Web Promosi di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/EnercalBuyRedeem2025.Senarai Outlet akan dikemas kini secara berkala. Peserta dinasihatkan untuk merujuk senarai sekerap mungkin untuk kemas kini terkini. Semua Outlet akan memaparkan bahan dagangan Promosi di premis mereka sepanjang Tempoh Promosi.
6. <u>Produk Turut Serta:</u>	<ol style="list-style-type: none">Disenaraikan di bawah adalah produk yang mengambil bahagian di bawah Promosi ini (“Produk”):<ol style="list-style-type: none">NESTLÉ ENERCAL COMPLETE 850g
7. <u>Item Penebusan:</u>	<ol style="list-style-type: none">Peserta Layak boleh menebus dan memilih Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet (“Kod e-Wallet”) daripada pilihan yang tersedia di bawah:<ol style="list-style-type: none">Satu (1) RM8 PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet (“TNG”) atau,Satu (1) RM8 Kod Penebusan Kredit Boost (“Boost”) atau,Satu (1) RM8 e-Kredit SPayGlobal (“SPayGlobal”).
8. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none">Untuk mengambil bahagian dalam Promosi, beli sekurang-kurangnya satu (1) unit NESTLÉ ENERCAL COMPLETE 850g (“Pembelian Minima”) dalam satu (1) resit asal daripada mana-mana Outlet yang turut serta semasa Tempoh Promosi (“Resit”).Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point-of-sale untuk pembelian di dalam kedai Outlet. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo Outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicop

	<p>dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit (“Butiran Resit”).</p> <p>c. Kaedah penyerahan Peraduan adalah melalui <u>Laman Web Promosi</u> sahaja. Semua kaedah penyerahan lain akan dibatalkan.</p> <p>d. <u>Langkah penyerahan penyertaan melalui Laman Web Promosi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Lawati Laman Web Promosi di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/EnercalBuyRedeem2025 atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang turut serta dan lengkapkan borang web. ii. Isikan semua butiran peribadi yang diperlukan termasuk nombor mudah alih berdaftar Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi selanjutnya (“Butiran Peribadi”). iii. Tangkap satu (1) imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png Resit dengan butiran yang diperlukan (“Imej”). iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit dan saiz fail Imej mestilah kurang daripada 5MB. v. Muat naik Imej pada borang web dan klik 'submit' ("Penyertaan"). vi. Pengajur akan membalas dengan mesej perakuan auto-balas untuk setiap Penyertaan yang diterima. <p>e. Setiap Penyertaan yang diterima akan disahkan dan diluluskan oleh Pengajur untuk menjadi penyertaan yang layak (setiap "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan-penyertaan Layak"). Pengajur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap atau tidak sepadan, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian dan/atau di mana Bukti Pembelian tidak boleh dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, diduplikasi, tidak jelas, rosak, ditukar dan/atau diubah suai dalam apa jua cara.</p> <p>f. Semua Penyertaan akan disemak untuk pendua berdasarkan nama penuh Peserta, nombor pengenalan dan nombor telefon bimbit yang diserahkan. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Pengajur tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta. Pengajur juga boleh, tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian jika Pengajur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli.</p> <p>g. Pengajur berhak untuk meminta bukti salinan cetak Bukti Pembelian asal seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.</p>
--	---

9. <u>Peruntukan Penebusan:</u>	<ul style="list-style-type: none"> a. Setiap Peserta dengan Butir Peribadi yang sama hanya boleh menebus satu (1) Kod e-Wallet. b. Bagi setiap Penyertaan Layak yang diterima, Peserta boleh menebus hanya satu (1) Kod e-Wallet, tidak kira berapa unit Pembelian Minimum dalam satu Resit atau bilangan Penyertaan, sepanjang Tempoh Promosi. c. Sebagai contoh: <ul style="list-style-type: none"> i. Jika anda membeli satu (1) tin NESTLÉ ENERCAL COMPLETE 850g dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, anda layak untuk menebus satu (1) Kod e-Wallet sahaja. ii. Jika anda membeli dua (2) tin NESTLÉ ENERCAL COMPLETE 850g dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, anda juga layak untuk menebus satu (1) Kod e-Wallet sahaja.
10. <u>Penebusan:</u>	<ul style="list-style-type: none"> a. Penebusan adalah terhad kepada satu ribu lima ratus (1500) Penyertaan layak pertama yang diterima daripada gabungan penebusan kredit e-Wallet yang ditebus (Touch n' Go, Boost dan SPayGlobal) sepanjang Tempoh Promosi. Sekiranya jumlah keseluruhan penebusan gabungan e-Wallet telah ditebus sepenuhnya, Pengajur akan mengemas kini status dalam Laman Web Promosi di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/EnercalBuyRedeem2025. b. Semua Peserta akan menerima Kod e-Wallet pilihan mereka daripada pembekal perkhidmatan Pengajur melalui nombor WhatsApp rasmi NESTLÉ ENERCAL COMPLETE BUY & REDEEM CAMPAIGN 2025: 6018 322 0520 ke nombor mudah alih yang diserahkan kepada Pengajur semasa penyerahan Penyertaan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi. c. Pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana e-Wallet tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada pemenang kerana sebarang perubahan atau perbezaan dalam nombor telefon mudah alih yang diserahkan oleh pemenang kepada Pengajur semasa penyerahan Penyertaan Promosi. d. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan Kod e-Wallet. Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang yuran pentadbiran tambahan atau kos yang berkaitan dengan menebus Kod e-Wallet melalui saluran selain daripada aplikasi dan penggunaan masing-masing. Berikut adalah terma dan syarat vendor: <ul style="list-style-type: none"> i. Penebusan dan penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf ii. Penebusan dan penggunaan Kod Penebusan Kredit Boost tertakluk pada Terma & Syarat Axiata Digital eCode Sdn Bhd; https://www.myboost.com.my/terms/

	<p>iii. Penggunaan e-Kredit SPayGlobal (Sarawak Pay) tertakluk pada Terma & Syarat SiliconNet Technologies Sdn Bhd's; https://spayglobal.my/page-0-31-22-Terms-and-Conditions-of-Services.html</p> <p>e. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melanjutkan tempoh masa penghantaran Kod e-Wallet sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kod e-Wallet tidak diterima atau tertangguh kepada Peserta.</p> <p>f. Semua Kod e-Wallet yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana item penebusan dengan alternatif yang sama atau lebih besar nilainya.</p> <p>g. Penganjur berhak untuk menukar kaedah pemenuhan Kod e-Wallet yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.</p>
11. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Promosi. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.
12. <u>Terma Tambahan:</u>	<p>a. Semua Peserta mesti memberikan Butiran Peribadi mereka yang diperlukan kepada Penganjur untuk pemenuhan Kod e-Wallet, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhinya. Penganjur berhak untuk membatalkan Kod e-Wallet mereka jika Peserta gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau menafikan Kod e-Wallet jika Butiran Peribadi Peserta (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor telefon bimbit) didapati pada bila-bila masa sebagai tidak tepat atau salah.</p> <p>b. Penganjur berhak meminta penyerahan salinan fotokopi dokumen pengenalan dan salinan asal Resit seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak daripada Peserta untuk pengesahan sebelum pemenuhan Kod e-Wallet. Kegagalan untuk menyerahkan atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pelucutan. Selepas pengesahan, Penganjur berhak untuk membatalkan Kod e-Wallet mereka jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta yang dinyatakan telah menyerahkan Bukti Pembelian yang dicetak semula, dipalsukan, dihasilkan sendiri atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli.</p> <p>c. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan</p>

	untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di: <https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/EnercalBuyRedeem2025>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang peranggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau

bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
 - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di

mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan

atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.